

APRIL 2024

NADI SUKARELWAN



**Diterbitkan oleh:**

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan,
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1, Seremban 3,
70300 Seremban, Negeri Sembilan,
Malaysia Phone: 606-6342000, Faks: 606-6335813

Tiada sebarang bahagian daripada penulisan ini boleh diubah, disalin, diedarkan semula, disiarkan, dipaparkan, diterbitkan, dilisensikan, dipindahkan, dan dijual dalam apa jua bentuk tanpa mendapat kebenaran bertulis oleh ketua penyunting.

Penafian:

Sebarang maklumat dalam penulisan ini adalah pendapat peribadi dan pengetahuan oleh penulis artikel tersebut. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pendapat profesional sebelum mengikuti sebarang maklumat dalam penulisan ini. Pihak universiti, fakulti, penerbit dan barisan penyunting tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang risiko kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISBN : 978-629-99383-2-3

Tarikh Diterbitkan: 30 April 2024

MINAT MENJADI SUKARELAWAN DIPUPUK SEJAK DARIPADA BANGKU SEKOLAH

Dalam usaha untuk menelusuri pengalaman sukarelawan dan motivasi di sebalik penyertaan sebagai sekretariat Jawatankuasa Sukarelawan Pelajar (JSP) bagi Karnival Sukan Mahasiswa UiTM ke-XXIX (KARISMA) 2024, ikuti temubual bersama Muhammad Faiq bin Yazid, seorang pelajar cemerlang daripada program Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan di Fakulti Sains Sukan & Rekreasi, Kampus UiTM Seremban 3.

PENGALAMAN SUKARELAWAN YANG MEMBINA

Faiq mula berkongsi pengalamannya sebagai sukarelawan dalam JSP. Sebagai ahli JSP, dia menyedari pentingnya terlibat dalam kegiatan sukarelawan untuk Karnival Sukan Mahasiswa sebegini. Beliau turut berkongsi pengalaman sebagai sukarelawan dalam acara sukan semasa zaman persekolahannya di Johor, memberikan asas yang kukuh untuk terlibat dalam kegiatan serupa di peringkat universiti.

MOTIVASI & HASRAT SEBAGAI SEKRETARIAT JSP

Dalam merangka hasrat dan motivasinya, Faiq memberikan penekanan kepada sokongan daripada dirinya sendiri, rakan-rakan, dan pihak unit sukan di UiTM. Dia melihat penyertaan sebagai satu peluang untuk mendapatkan pengalaman baru di peringkat universiti dan turut berbangga menjadi tuan rumah bagi UiTM Negeri Sembilan.

Faiq menekankan keinginannya untuk membantu dengan sepenuh hati dalam segala tugas yang diberikan. Antara pencapaian utamanya adalah menimba ilmu dan pengalaman serta memperluaskan rangkaian kenalan. Walaupun menghadapi cabaran berurusan dengan orang ramai dan pengurusan masa, dia meyakinkan bahawa kemahiran rundingan dan kerjasama dengan pelbagai pihak telah membantunya mengatasi halangan tersebut.

IMPAK DI KOMUNITI: SUKARELAWAN DENGAN SIFAT MURNI

Berbicara tentang impak di komuniti, Faiq menyatakan bahawa melalui aktiviti sukarelawan, individu dapat memberi tanpa mengharapkan balasan. Beliau menyatakan bahawa sikap murni, tanpa rasis atau perkauman, memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi dan ketrampilan individu.



Faiq mempercayai bahawa melalui kesukarelawanan, seseorang dapat menyalurkan idea dan tenaga untuk membantu masyarakat. Semangat kerjasama, komunikasi yang baik, dan kemahiran memimpin pasukan adalah nilai murni yang disemai melalui penglibatan dalam kegiatan sukarelawan seperti Karnival Sukan Mahasiswa UiTM.

Dengan semangat dan hasratnya yang jelas, Muhammad Faiq bin Yazid pastinya akan menjadi aset yang berharga sebagai sekretariat JSP dalam menjayakan Karnival Sukan Mahasiswa UiTM ke-XXIX (KARISMA) 2024. Semoga penyertaan dan pengalaman sukarelawan ini memberikan inspirasi kepada yang lain untuk turut terlibat dalam kegiatan sukarelawan yang bermakna.